

## **Mentransformasikan Hubungan Industri Di Malaysia: Keberkesanan Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan**

**(Transformation of Industrial Relations in Malaysia: The effectiveness on Management of Occupational Safety and Health)**

NUR FARHANNA SADON\*

Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding author: farhannasadon@gmail.com

### **ABSTRAK**

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan bertujuan untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja. Keselamatan di tempat kerja merupakan satu aspek penting di dalam sesebuah organisasi syarikat. Keselamatan di tempat kerja penting dalam menjamin kesejahteraan pekerja. Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang perlu dengan memperkenalkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 pada 25 Februari 1994. Tanggungjawab dalam penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini telah diberikan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang berada di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Kata kunci: Bahaya, keselamatan, kesihatan, majikan, sumber manusia

### **Abstract**

*The occupational safety and health of workers are aimed to protect employees.. Safety at workplace is a crucial aspect in a company's organization. Safety in workplace is important in guaranteeing the worker's wellbeing. The Malaysia Government has taken the required steps by introducing the Occupational Safety and Health Act 1994 on 25<sup>th</sup> of February 1994. The responsibilities in enforcing Occupational Safety and Health Act is given to the Occupational Safety and Health Department (OSHD) which is under the Ministry of Human Resource.*

**Keywords:** Employer, hazard, health, human resource, safety

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution Non Commercial Share Alike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

---

### **PENGENALAN**

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan satu proses pengurusan yang bertujuan untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja. Keselamatan di tempat kerja merupakan satu aspek penting di dalam sesebuah organisasi syarikat. Selain itu, keselamatan di tempat kerja merupakan elemen penting dalam menjamin kesejahteraan pekerja. Menurut Abdullah (2011), keselamatan bermaksud sesuatu keadaan yang terpelihara atau terhindar daripada bahaya, bencana atau gangguan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan. Manakala, Bahari (2006) pula mendefinisikan keselamatan sebagai keadaan yang selamat dan bebas daripada bahaya, termasuk kecederaan dan risiko, pengetahuan atau kemahiran dalam mengelakkan kemalangan atau penyakit dan kualiti atau keadaan yang tidak membawa risiko. Jika dilihat dari sudut definisi, kesihatan pula ialah perlindungan tubuh dan fikiran dari penyakit yang berpunca dari proses, bahan atau prosedur yang digunakan di tempat kerja. Kedua-dua perkataan ini digabungkan bagi menggambarkan betapa pentingnya kedua-dua aspek ini ditekankan dalam persekitaran tempat kerja. Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang perlu dengan memperkenalkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 pada 25 Februari 1994. Pengenalan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dianggap sebagai satu penyelesaian terhadap isu ini berdasarkan kajian kemalangan di tempat kerja dan faktor-faktor yang terlibat. Tanggungjawab dalam penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini telah diberikan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang berada di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Antara faktor yang membawa kepada pengenalan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 adalah kerana terdapatnya banyak kelemahan di dalam Akta Kilang dan Jentera 1967 dan statistik kemalangan di tempat kerja yang tinggi. Sebagai contoh, insiden letupan kilang mercun di Sungai Buloh yang brelaku pada 1994 yang